Kedudukan Kuala Lumpur Sentral unik kerana adanya Stesen Sentral Kuala Lumpur, hab pengangkutan rel bertaraf dunia yang menawarkan kesalinghubungan yang tiada bandingannya untuk perniagaan, penghuni, pelancong dan masyarakat secara umumnya.

Pembangunan semasa yang bernilai sekitar RM2.0 bilion sedang dijalankan, merangkumi Plaza Sentral Fasa 2 (yang telah disiapkan pada Februari 2006), menara 1 Sentral, kondominium Suasana Sentral Loft, menara pejabat di Lot J, Sooka Sentral (sebuah pusat gaya hidup) dan gedung membeli-belah. Pembinaan struktur beberapa bangunan sedang giat dijalankan berikutan beberapa pencapaian korporat.

Stesen Sentral Kuala Lumpur- Hab Pengangkutan Bertaraf Antarabangsa

Sejak pembukaan hab pengangkutan bertaraf dunia, Stesen Sentral Kuala Lumpur pada 16 April 2001, terdapat peningkatan dalam jumlah

penumpang kepada lebih kurang 90,000 orang setiap hari. Angka yang kian meningkat ini merupakan bukti bahawa Stesen Sentral Kuala Lumpur berjaya memenuhi wawasan kerajaan untuk memperbaiki gaya hidup perjalanan penduduk kota dan meningkatkan sistem pengangkutan awam menerusi rangkaian rel bersepadu - satu wawasan yang kini menjadi kenyataan.

Lokasi Terminal Udara Bandaraya Kuala Lumpur yang strategik, menjadikan Stesen Sentral Kuala Lumpur semakin popular sebagai tempat menurun dan mengambil penumpang KLIA.

Kuala Lumpur Sentral – Pusat Siber MSC Pertama Malaysia

Suatu peristiwa penting telah tercatat pada Februari 2006 apabila Kuala Lumpur Sentral dianugerah status Pusat Siber Koridor Raya Multimedia (MSC) pertama Malaysia, sekaligus melancarkan pembangunan status tinggi dan membolehkannya memperluaskan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia. Status ini melengkapi hab MSC Malaysia, Cyberjaya yang memberikan pilihan kepada syarikat-syarikat yang mahu mendapatkan manfaat status MSC dan untuk mereka yang mahu berada dekat dengan pelanggan mereka.

Status MSC di Kuala Lumpur Sentral bakal menyediakan pelbagai peluang menarik untuk syarikat-syarikat ICT sedia ada di Kuala Lumpur Sentral atau untuk mereka yang mahu memulakan perniagaan di kawasan pembangunan ini. Plaza Sentral Fasa 2 adalah bangunan pertama dalam keseluruhan pembangunan yang menjadi tempat menghimpunkan perniagaan teknologi di bawah status MSC yang baru dicapai.

Status Pusat Siber Kuala Lumpur Sentral juga bakal membuka lebih banyak peluang kepada komuniti ICT untuk mempertingkatkan diri dalam menjalankan perdagangan dalam era digital. Sebagai Pusat Siber, Kuala Lumpur Sentral mempunyai kelebihan sebagai

pengkalan pusat bandar untuk syarikat media baru dan syarikat aplikasi yang banyak terlibat dalam pemasaran dan interaksi pelanggan secara bersemuka. Bidang ini memerlukan mereka berada di pusat bandar untuk bersaing serta berkembang maju dalam pasaran dan ramai penyewa baru telah pun mendapat manfaat daripada situasi ini.

Kuala Lumpur Sentral merupakan lokasi strategik bagi menarik syarikat-syarikat MSC, para usahawan dan syarikat media baru untuk bertumpu dan mewujudkan hab teknologi bagi Kuala Lumpur. Status Pusat Siber menyediakan pelbagai peluang menarik untuk syarikat-syarikat ICT sedia ada di Kuala Lumpur Sentral dan untuk mereka yang mahu membuka perniagaan di kawasan pembangunan ini.

Semenjak memperolehi status Pusat Siber MSC pertama Malaysia, minat banyak syarikat MSC terhadap pembangunan ini semakin ketara, sehingga melonjakkan kadar penghunian di Plaza Sentral Fasa 2 yang terdiri daripada firma-firma ICT utama termasuklah British Telecom, Qtelmedia (syarikat rangkaian kandungan Ireland), Codemasters (pembangun dan penerbit permainan komputer dan video yang berpusat di UK) dan F-Secure (Finland). Syarikat-syarikat ini menjadikan Kuala Lumpur Sentral sebagai hab mereka di Asia.

Penyewa berkaitan ICT yang lain termasuklah Teledirect (penyedia penyelesaian), SRG Asia Pacific Sdn. Bhd. (syarikat pemajakan proses perniagaan), Getronics (syarikat perkhidmatan dan penyelesaian ICT antarabangsa), V Source (penyedia pemajakan proses perniagaan) dan Nusuara (unit milik penuh Kementerian Kewangan).

Baru-baru ini, Maxis Communications Berhad telah memindahkan pusat teknologi dan inovasinya ke Plaza Sentral Fasa 2 yang baru sahaja siap, menggunakan ruang pejabat seluas 152,450 kaki persegi.

Perkembangan Pembangunan Kuala Lumpur Sentral

Plaza Sentral

Plaza Sentral Fasa 1 dan 2 merupakan pembangunan terlaris di Kuala



Lumpur Sentral, dan muncul sebagai contoh bagi ruang pejabat yang bertaraf perdana di bandaraya Kuala Lumpur dengan kadar pembelian memberangsangkan yang mana sebahagian besarnya terdiri daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang terkemuka dan pelbagai organisasi bereputasi tinggi.

Walaupun Plaza Sentral Fasa 1 mencatat kadar pembelian penuh tiga tahun lalu, Plaza Sentral Fasa 2 telah mengukuhkan lagi daya tarikan Kuala Lumpur Sentral sebagai lokasi perniagaan yang strategik dengan kadar pembelian penuh.


Plaza Sentral Fasa 2 siap sepenuhnya sebagaimana yang dijadualkan pada Februari 2006, mempunyai empat blok dengan 174 suite pejabat di dua menara dengan keluasan tapak 642,000 kaki persegi berharga purata RM480 sekaki persegi.

Dengan ciri-ciri canggih bangunan ini, pelaburan di Plaza Sentral Fasa 2 adalah yang terbaik berdasarkan peningkatan modal yang tinggi, hasil pelaburan menarik dan pegangan hak milik bebas.

Pembangunan Plaza Sentral Fasa 2 yang menelan kos sebanyak RM300 juta merupakan bangunan pertama di Kuala

Lumpur Sentral yang menempatkan pelbagai perniagaan teknologi di bawah status Pusat Siber MSC yang diberikan kepada Kuala Lumpur Sentral pada Februari 2006. Status ini membolehkan seluruh pembangunan menempatkan perniagaan ICT sekaligus merealisasikan maksud sebenar hab perniagaan 'tanpa sempadan'.

Sebagai komponen pelengkap kepada hab MSC Malaysia iaitu Cyberjaya, Kuala Lumpur Sentral bakal menjadi pilihan terbaik bagi syarikat-syarikat yang mahu memanfaatkan status MSC mereka dan terus berada dekat dengan pelanggan masing-masing.





Kondominium Suasana Sentral

Oleh sebab daya tarikan Kuala Lumpur Sentral sebagai lokasi kediaman strategik dan kadar pembelian Suasana Sentral yang begitu menggalakkan, rakan kongsi strategik kami Suasana Sentral Two Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Panorama Prominent Sdn. Bhd.), sebuah syarikat usaha sama MRCB dan UM Land, telah menandatangani satu perjanjian pada tahun 2004 untuk membangunkan menara pangsapuri 37 dan 38 tingkat yang mempunyai sejumlah 600 unit di Lot L.

Pelancaran dan pembukaan jualan Suasana Sentral Loft telah diadakan pada awal tahun 2005. Dalam tempoh enam bulan, Suasana Sentral Loft telah berjaya mencatat kadar pembelian yang mengagumkan iaitu sebanyak 95%. Hari ini, semuanya telah habis dijual. Ini adalah disebabkan oleh daya tarikan persekitaran kediaman yang berhampiran dengan hab transit serta pertambahan permintaan bagi kondominium mewah. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2007.

1 Sentral

Menara 1 Sentral adalah pejabat bertaraf gred A yang dibina dan telah dijual kepada Lembaga Tabung Haji berlandaskan kepada jaminan pulangan pelaburan selama 15 tahun dan perjanjian sewaan jangka panjang oleh salah satu daripada empat firma perakaunan terbesar di dunia.



Direka dan dibina mengikut spesifikasi pembeli, menara pejabat 33 tingkat ini dijangka siap menjelang suku pertama tahun 2007.

Menara 1 Sentral ini akan menjadi bangunan pejabat gred A pertama di Kuala Lumpur Sentral, selari dengan wawasan syarikat untuk menjadikannya pembangunan bertaraf dunia dan hab perdagangan baru di Kuala Lumpur.

Lot J

Lot J adalah satu lagi bukti kejayaan Kuala Lumpur Sentral. Ekoran Perjanjian Jual Beli di antara Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. dengan United Engineers (Malaysia) Berhad (UEM) bagi penjualan sebidang tanah di Lot J pada tahun 2005; Kuala Lumpur Sentral bersama dengan MRCB dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), telah menandatangani satu Perjanjian Jual Beli ketiga-tiga pihak bagi pembinaan ibu pejabat baru SSM tidak lama lagi.

Perjanjian Jual Beli yang bernilai RM147.5 juta itu mencerminkan satu lagi kerjasama menarik di antara ketiga-tiga pihak; terutamanya pelaburan SSM di pusat bandar eksklusif Kuala Lumpur Sentral ini yang mempunyai infrastruktur bertaraf global. Ramai pelabur utama tertarik dengan pembangunan ini.

Mengikut perjanjian tersebut, MRCB juga akan membina menara pejabat korporat 21 tingkat untuk SSM, termasuk podium meletak kereta 7 tingkat dengan jumlah bersih keluasan tapak 280,890 kaki persegi.

Sooka Sentral

Pembangunan pusat gaya hidup yang amat dinanti-nantikan akan menjadi kenyataan tidak lama lagi. Pusat gaya hidup eksklusif enam tingkat dengan keluasan kasar tapak 180,000 kaki persegi di Lot J ini menempatkan pusat kesihatan & spa, medan selera, restoran dan kedai makanan terbuka ala alfresco.

Pusat gaya hidup ini bakal menyediakan pelbagai kemudahan istirehat dan hiburan sekaligus meningkatkan lagi sentuhan gaya hidup eksklusif di Kuala Lumpur Sentral dan memantapkan kedudukan pembangunan ini sebagai lokasi kediaman yang unik, tempat bekerja dan bersantai.

Pembinaannya telah dimulakan dan ia dijangka dibuka pada akhir tahun 2007.

Hotel-hotel bertaraf 5-bintang - Hilton Kuala Lumpur & Le Meridien Kuala Lumpur

Pembukaan hotel-hotel Hilton Kuala Lumpur dan Le Meridien Kuala Lumpur yang bertaraf lima bintang ini mencerminkan anjakan berprestij bagi Kuala Lumpur Sentral. Dengan kelebihan mempunyai hotel bertaraf antarabangsa di dalam pembangunan bersepadunya, KL Sentral telah menetapkan standard baru bagi seluruh pembangunannya.



Hilton Kuala Lumpur telah merangkul pelbagai anugerah berprestij termasuk 'International Five Star Diamond Award', 'Hospitality Asia Platinum Award', 'Asia Travel & Tourism Awards' dan turut dinobatkan sebagai 'Best Business Hotel in Asia' di '16th Annual Travel Awards' oleh Kumpulan Travel Trade Gazette Asia Media. Pada tahun ini, ia diumumkan sebagai pembangunan hotel terbaik di FIABCI-Malaysia Property Award 2006.

Kedua-dua hotel berkenaan telah mencatat kadar penempatan yang tinggi dan menjadi destinasi popular di kalangan para pengunjung tempatan dan

antarabangsa untuk urusan perniagaan dan percutian. Hotel-hotel ini juga menjadi tumpuan urusan perniagaan dan acara-acara sosial.

Kuala Lumpur Sentral berbangga menjadi lokasi pilihan kepada kedua-dua hotel terkemuka tersebut dan berharap dapat menarik lebih ramai pengunjung dari seluruh dunia ke pembangunan bersepadu ini.

Gedung Membeli-belah Bersepadu

Satu lagi pembangunan di Kuala Lumpur Sentral yang dinanti-nantikan adalah gedung membeli-belah bersepadu bernilai RM450 juta di Lot G. Kerja-kerja pembinaannya dilaksanakan oleh UDA Holdings, dan Lot G dijangka menjadi syurga membeli-belah dengan anggaran ruang sewaan seluas satu juta kaki persegi. Gedung ini direka khas untuk menempatkan sebuah ruang hiburan dengan kompleks pawagam lapan skrin, gelanggang boling 24 lorong, kawasan F&B terapung dan peruncitan mikro serta beberapa aras yang bertema khusus, untuk tujuan tertentu. Ia akan dihubungkan dengan Stesen Sentral menerusi Monorail, menjadikannya gedung membeli-belah pertama di Kuala Lumpur yang menawarkan akses mudah dan keselesaan membeli-belah kepada para pelanggan.





Usaha meletakkan Kuala Lumpur Sentral sebagai Jenama Antarabangsa

Kuala Lumpur Sentral telah menyaksikan kadar penempatan yang cemerlang bagi hartanah kediaman dan komersilnya pada masa lepas. Dengan adanya infrastruktur global, kemudahan perniagaan dan gaya hidup antarabangsa, bandar dalam bandar ini telah mencatat rekod

prestasi yang mengagumkan dan telah memperlihatkan kejayaannya di mata dunia dengan cara yang lebih hebat.

Berikutan jemputan ke '56th FIABCI World Real Estate Congress' di Athens, Greece, pada tahun 2005, Kuala Lumpur Sentral sekali lagi mempamerkan keunikannya di rantau ini pada tahun 2006 apabila menyertai 'MIPI Asia Property Exhibition' di Hong Kong. Penyertaan tersebut telah membawa

Kuala Lumpur Sentral ke tahap yang baru, memberikannya peluang untuk menawarkan cadangan nilai tinggi sebagai hab serantau masa hadapan. Liputan media yang baik di rantau Asia Pasifik, terutamanya media Hong Kong merupakan bukti kejayaan tersebut.

Kuala Lumpur Sentral juga sering menjadi tuan rumah bagi kunjungan sambil belajar daripada pelbagai pihak kerajaan negeri, kerajaan dan kumpulan perniagaan antarabangsa. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah dari Arab Saudi, Nepal, Taiwan, India, Pakistan, Indonesia dan Singapura.

Kuala Lumpur Sentral berpuas hati dengan perkembangannya sehingga kini, dan yakin dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pembangunan hartanah perdana dan berprestij di negara ini.

Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd.

Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd. (SIDEK) adalah peneraju di kalangan pemaju perbandaran bagi Bandar Seri Iskandar (BSI) di Koridor Kinta-Pangkor. SIDEK berjaya mencapai jualan yang menggalakkan menerusi kempen pemasaran yang agresif, jualan berkala, penganjuran acara dan pameran walaupun wujudnya persaingan, kelembapan pasaran hartanah dan peningkatan harga bahan binaan.

Suatu kejayaan penting dicatat apabila para pemilik kediaman mula berpindah masuk ke 1,500 unit yang telah disiapkan dan diserahkan pada tahun 2006. Ia adalah bukti kepercayaan dan keyakinan yang diletakkan oleh para pembeli rumah terhadap keseluruhan konsep dan pembangunan BSI. Pada tahun 2006, sejumlah 58 unit komersil telah diserahkan dan pada tahun 2007, 158 unit rumah satu tingkat dan 95 unit dua tingkat dijangka akan diserahkan kepada para pembeli menjelang bulan Mei dan November 2007. 94 unit rumah teres satu tingkat masih dalam pembinaan. Menjelang pertengahan

tahun 2007, SIDEK mensasarkan untuk melancarkan 52 unit rumah teres berkembar, 59 unit kos rendah yang dipertingkatkan dan 115 unit rumah teres satu tingkat yang lebih besar.

Pembinaan sekolah di BSI dijangka bermula pada bulan Mei 2007. Rundingan usahasama masih dijalankan dan kini SIDEK berada di peringkat akhir untuk membawa beberapa syarikat industri ke taman perindustriannya.

Pada tahun 2006, beberapa acara telah dianjurkan dengan kerjasama badan berkuasa tempatan untuk menarik pengunjung ke tapak berkenaan, antaranya RAKAN Cop pada bulan Mac bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Karnival Merdeka bersama pejabat daerah tempatan. SIDEK turut menyumbang untuk jamuan moreh kepada empat buah masjid sepanjang bulan puasa dan juga bantuan kepada golongan kurang upaya dan anak-anak yatim di Majlis Rumah Terbuka Hari Raya anjuran Pejabat Daerah. Salah satu projek yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi termasuklah pembukaan fasa 2 pembangunan, yang meliputi kawasan seluas 423 ekar yang kini



dalam peringkat perancangan.

Pembangunan BSI memegang teguh falsafah untuk menyediakan produk, perkhidmatan dan reka bentuk berkualiti tinggi. Ia berada di landasan yang betul ke arah menjenamakan semula imejnya sebagai lokasi perdana di koridor Kinta - Pangkor. Sebagai pembangunan bersepadu yang berkonsepkan kehidupan berkomuniti, kemudahan awam terus menjadi tumpuan utama bagi keseluruhan pembangunan ini yang menggabungkan perumahan, perdagangan dan perindustrian dengan seimbang. BSI merupakan pembangunan yang sesuai untuk menjadi hab pendidikan dan perniagaan yang dibina dalam suasana teknologi moden dan persekitaran menghijau serta pada masa yang sama masih mengekalkan nilai-nilai tradisi masyarakat tempatan.

MRCB Utama Sdn. Bhd.

MRCB Utama Sdn. Bhd. (MRCB Utama), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan MRCB, telah melancarkan pangsapuri kos sederhana yang kelima di Taman Kajang Utama, perbandaran matang seluas 300 ekar yang terletak di lokasi strategik di pinggir bandar Kajang di koridor Kajang-Putrajaya.

Dipromosikan sebagai Pangsapuri e-Resort Laman Suria, ia mempamerkan gaya hidup resort bertemakan Bali dengan ciri-ciri istimewa seperti pintu gerbang ke kawasan pangsapuri, lanskap tropika yang subur menghijau dan pelbagai kemudahan kondominium. Kawalan keselamatan beroperasi 24 jam dan dipertingkatkan dengan ciri-ciri kediaman pintar di setiap unit. Dengan harga berpatutan di antara RM87,000 dan RM130,000 seunit, sejumlah 255 unit bakal memberikan nilai pembangunan berjumlah RM30.0 juta. Kerja-kerja pembinaan telah pun dimulakan.

Selain daripada membangunkan projek projek perumahan, MRCB Utama juga melaksanakan pembangunan sebuah projek perindustrian yang dikenali sebagai Senawang Sentral, Senawang, Negeri Sembilan. Terletak cuma beberapa minit daripada bandar Seremban, Senawang Sentral terdiri daripada 165 unit kilang teres 1½ tingkat dan 12 unit kilang berkembar.

Dengan harga bermula daripada RM198,000 unit-unit kilang ini adalah pilihan menarik untuk memulakan perniagaan yang menawarkan pelaburan pulangan tinggi atau untuk tujuan pembesaran dan penghijrahan daripada hab perindustrian lain di Senawang. Unit-unit kilang ini mendapat sambutan yang baik ketika pelancaran penjualannya pada Julai 2006 dan sehingga kini lebih kurang 95% daripada Fasa 1A & 1B telah pun dijual dan kerja-kerja pembinaannya sedang dijalankan. Fasa 1C akan dilancarkan pada suku kedua tahun 2007.

MRCB Utama telah meneroka beberapa pemerolehan tanah dan sedang dalam proses mendapatkan projek pembangunan usahasama di Pulau Pinang dan Lembah Kelang bagi memastikan pertumbuhan berterusan perniagaan hartanahnya.



MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd.

MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. adalah pemilik dan pengurus dua mercu tanda hartanah yang unik di Shah Alam iaitu Menara MRCB, blok pejabat 21 tingkat dan Plaza Alam Sentral, pusat membeli-belah terbesar di Shah Alam dengan masing-masing mempunyai jumlah ruang untuk disewa seluas lebih 216,000 kaki persegi dan 430,000 kaki persegi.

Menara MRCB

Menara MRCB terus menikmati penghunian penuh pada tahun 2006, sebagai bangunan pejabat utama di Bandaraya Shah Alam. Objektif Syarikat untuk menjual bangunan ini juga telah dicapai dengan selesainya penjualan kepada sebuah bank ternama pada Disember 2006. Walau bagaimanapun, bangunan ini telah disewakan kembali kepada Syarikat bagi meneruskan perniagaan pengurusan hartanahnya.

Alam Sentral

Mengikut Kajian Pasaran tempatan yang dijalankan pada bulan Mac 2006, Plaza Alam Sentral muncul sebagai destinasi membeli-belah paling digemari di Shah Alam, walaupun menerima saingan hebat daripada beberapa pusat membeli-belah berhampiran – terima kasih atas usaha-usaha pemasaran dan promosi yang komprehensif oleh pasukan pengurusan. Plaza Alam Sentral menjadi pilihan ramai kerana menawarkan pelbagai produk khusus yang jelas dan berupaya memenuhi keperluan pasaran utamanya. Ia menempatkan pelbagai produk istimewa dan bertema; seperti komputer, buku, telekomunikasi dan tekstil sehinggalah kepada studio hiburan ada di sini.

Hampir seluruh Tingkat Bawah sehingga Tingkat Tiga Plaza ini telah disewakan 100 peratus dan sebuah pusat buku terbesar seluas 9,459 kaki persegi di Tingkat Empat akan dibuka tidak lama lagi, menambah lagi kepelbagaian yang ditawarkan di Alam Sentral. Satu lagi daya penarik ke Plaza ini adalah sebuah Pusat Futsal dengan 3 buah gelanggang seluas 25,000 kaki persegi yang menyediakan tempat rekreasi bagi melengkapi konsep keseluruhan Plaza Alam Sentral. Jelas sekali, pengurusan begitu komited dalam menyediakan sebuah gedung yang serba lengkap bagi memenuhi cita rasa setiap pengunjung yang rata-ratanya adalah penghuni di selatan Lembah Kelang meliputi kawasan-kawasan seperti Petaling Jaya, Puchong, Subang dan Kelang.

Alam Sentral semakin menjadi tumpuan seisi keluarga sebagai destinasi hujung minggu kerana ia sentiasa meriah dengan pelbagai acara, majlis, pameran dan aktiviti riadah. Semuanya menyumbang kepada peningkatan jumlah pengunjung yang mana pada tahun 2006, Alam Sentral menerima seramai 7.4 juta pengunjung berbanding 6.5 juta pada tahun sebelumnya sekaligus menyaksikan pertambahan sebanyak 14 peratus. Sambutan yang menggalakkan ini juga dapat dilihat daripada jumlah kereta pada tahun 2006 sebanyak 15 peratus peningkatan iaitu sebanyak 738,524 berbanding 642,487 buah kereta pada tahun sebelumnya.

Pengurusan terus berusaha mempertingkatkan kepelbagaian runcit dengan menawarkan pelbagai jenama terkemuka baik dari dalam mahu pun dari luar negara, dalam usaha menarik para pengunjung baru yang mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi. Pelbagai inisiatif pengiklanan dan promosi semakin giat dijalankan khususnya untuk menarik minat jenama-jenama terkenal membeli ruang-ruang iklan yang akan mempertingkatkan pendapatan syarikat.

Hari ini, dengan kadar sewaan 95 peratus dan bilangan pengunjung yang semakin bertambah, Alam Sentral terus menjadi pusat membeli-belah utama, tempat menjamu selera, berhibur dan bersantai yang sukar dilupakan.

building services

Established in March 2005, the Building Services Division is made up of four subsidiaries: Semasa Sentral Sdn Bhd, Semasa Services Sdn Bhd, Semasa Security Sdn Bhd and Semasa Parking Sdn Bhd. Together, they provide customers with seamless, integrated building management services that leverages on the group's stellar track record. The Building Services Division aims to sharpen its focus on securing even more long-term contracts to generate further revenue for the MRCB Group.

Stesen Sentral Kuala Lumpur

At the heart of Malaysia's rail transportation system is Stesen Sentral Kuala Lumpur, where the country's major rail services are integrated into one comprehensive network. They comprise: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Intercity and Komuter, Rangkaian Aliran Perkhidmatan Pengangkutan Integrasi Deras's (RAPID) Light Rail Transit (LRT) System and the Express Rail Link (ERL), which provides travellers with a high speed service to and from the Kuala Lumpur International Airport.

Because of its strategic location within the heart of Kuala Lumpur Sentral, Stesen Sentral Kuala Lumpur continues to attract a growing number of commuters daily, with an average of 90,000 visitors daily in 2006 alone. Its tenants, which include a diverse range of banks, retailers and eateries, has transformed Stesen Sentral Kuala Lumpur into a feast for the senses for Malaysians and foreign travellers alike. It is the one stop centre for all: travelling, business, meeting point and leisure.

Semasa Sentral Sdn. Bhd.

With the establishment of MRCB's Building Services Division, the management of Stesen Sentral Kuala Lumpur is under the responsibility of Semasa Sentral Sdn. Bhd. (Semasa Sentral).

Working within the framework of an internationally recognized Quality



Management System, Semasa Sentral's main operating arm applies its management programmes to equip its staff with the skills they need to constantly improve the quality of the services they provide.

Among the programmes and incentives being implemented by Semasa Sentral are its Total Quality Management (TQM) programme, Innovative and Creative Circle (ICC) Project, 5S activities and various other trainings on quality management.

Aside from training its staff, Semasa Sentral's aggressive marketing efforts and marketing exercises will continue to create greater awareness of Stesen Sentral Kuala Lumpur's retail environment, including its promotional activities and campaigns, which in turn, will deliver greater revenue-generating opportunities for the transportation hub.

But for all its success, Semasa Sentral has never compromised on one of its primary concerns: security. To keep commuters and travellers safe, stringent screening methods are used to select only the most capable personnel to be part of the auxiliary police team. They will then undergo training at the Police Training Centres for two (2) months, to ensure only the best from the selected group are

to be appointed to safeguard passengers at the station. And to further enhance the safety of commuters, Semasa Sentral has upgraded its network of 24-hour closed circuit television cameras to cover 80% of the Stesen Sentral Kuala Lumpur's area.

Semasa Services Sdn. Bhd.

Following its inception in June 2005, Semasa Services Sdn. Bhd. (Semasa Services) has spearheaded the successful maintenance of all the MRCB Group's properties, including the Stesen Sentral Kuala Lumpur and Plaza Sentral building. And as testament to become the most preferred service provider in the country, Maybank Bhd. has appointed Semasa Services to provide its acclaimed building and facility management services at the Dataran Maybank, Bangsar.


Semasa Services has succeeded in maintaining a strong foothold in the operation, maintenance and management of various commercial, government and industrial building facilities, thanks to its highly skilled staff, successful facilities management system, technologically advanced equipment and large pool of trained technical personnel with mechanical and electrical engineering and management expertise.

With an excellence-driven workforce which collectively possess the highest standard of technical and management skills, Semasa Services is more than well-equipped to satisfy its clients' every need, which include air conditioning, fire fighting, electrical maintenance, building automation, asset management, safety and health management, cleaning and administration services.

Working within the constraints of a highly competitive environment, plans are underway for Semasa Services to establish joint ventures and strategic alliances with suitable partners, allowing it to tap into more rewarding opportunities in the building maintenance and services industry, as well as to enhance the company's competitiveness in bidding for open tenders.

Semasa Services' latest maintenance and renovation works projects include the MRCB properties at Kompleks Sentral; Plaza Sentral Phase 2 and later in the mid year of 2007, the company will initiate facilities management programme for 1 Sentral and Sooka Sentral. Some secured external contracts include sites at the Yayasan Tun Razak building; Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional; and the Employees Provident Fund building in Penang.

Thus far, Semasa Services has been successfully certified as an ISO 9001:2000 company for the provision of Building and Facilities Maintenance Services in March 2006.



Semasa Security Sdn. Bhd.

An integral part of MRCB's Building Services Division is Semasa Security Sdn Bhd, which specialises in all aspects of building security, including the deployment of security officers, safety monitoring, crisis management, planning, training and providing security consultations.

Approved by the Ministry of Home Affairs to operate as a security provider, Semasa Security's potential clients include those in the commercial service, event management, facilities management, industrial, financial, professional services, retail and transport industries. With the highest standards of recruitment in place, Semasa Security's clients can rest assured that only the best in training and services are provided to them.

The company's foundation comprises a strong management team with a wealth of world class experience and expertise gained with the Polis Diraja Malaysia (Malaysian Police Force) and the Armed Forces.

This has led to the securing of security contracts for the MRCB properties at Menara MRCB and Plaza Alam Sentral in Shah Alam and also at Lot B, C and N at Kuala Lumpur Sentral. To add experience for the company, it has also been awarded external contracts for the security services such as the DUKE; Wangsa Heights in Kajang; Kajang Utama; the Sepang International Circuit; Seri Pentas 2 at TV3 in Bandar Utama; the Employees Provident Fund (EPF) office at Bangunan KWSP in Petaling Jaya; various Transmission Technology Sdn. Bhd. projects in Beranang and Rawang; and the EPF Social Security Training Institute in Bangi.

And because of its affiliation with the Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PKKM) (the Malaysian Internal Security Services Association), Semasa Security is poised to garner an even bigger range of clients who require nothing less than the most innovative and trusted of security services.

Semasa Parking Sdn. Bhd.

The most recent arm of the Building Services Division is Semasa Parking Sdn. Bhd. (Semasa Parking) – a company that specialises in car park logistics and management. Offering its clients superior management systems and highly trained staff, the aim of Semasa Parking to make the task of running a car park facility as smooth, efficient and profitable as possible.

Semasa Parking's carefully crafted management strategy includes a complimentary consultation to determine each of its clients' needs, and involve car park feasibility analyses, the latest and most reliable equipment, a revenue collection system, regulation enforcement and security.

With the MRCB Group's solid reputation and track record in management services, clients can expect their long-term alliance with Semasa Parking to yield much more than growing profit margins.

The potential long-term benefits include: continuous marketing and promotional exercises to enhance each parking facility's image and growth; an efficient cash control system to track revenue and expenses; additional in-demand services such as valet parking and car washing; vigilant monitoring of security and cleanliness; and quick response times to crises or queries that may arise.

Semasa Parking is poised to emerge as one of Malaysia's safest, most efficient and exclusive parking management providers while aiming to provide its clients with the most comprehensive and cost-effective parking management service available. The company's latest projects include parking facilities at Menara MRCB and Plaza Alam Sentral. In the future, Semasa Parking will be looking into more projects to secure from other property development within Kuala Lumpur Sentral. Among the strategies for growth of the company, Semasa Parking also plans to acquire other parking operations companies.

perkhidmatan pengurusan bangunan

Ditubuhkan pada Mac 2005, Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan terdiri daripada empat syarikat subsidiari: Semasa Sentral Sdn. Bhd., Semasa Services Sdn. Bhd., Semasa Security Sdn. Bhd. dan Semasa Parking Sdn. Bhd. Kesemua syarikat menawarkan perkhidmatan pengurusan bangunan bersepadu kepada pelanggan. Berlandaskan rekod prestasi cemerlang kumpulan, Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan akan terus memfokus untuk mendapatkan kontrak-kontrak jangka masa lebih panjang bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk kumpulan MRCB.

Stesen Sentral Kuala Lumpur

Stesen Sentral Kuala Lumpur adalah pusat sistem pengangkutan rel negara di mana perkhidmatan rel utama negara disepadukan menjadi satu rangkaian komprehensif. Ia terdiri daripada perkhidmatan rel: Antara Bandar dan Komuter - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Rangkaian Aliran Perkhidmatan Integrasi Deras (RAPID) dan Express

Rail Link (ERL), yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan berkelajuan tinggi dari dan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Disebabkan lokasinya yang strategik iaitu di tengah-tengah Kuala Lumpur Sentral, Stesen Sentral Kuala Lumpur terus menarik lebih ramai penumpang setiap hari dengan purata 90,000 orang pada tahun 2006 sahaja. Kepelbagaian penyewanya termasuk bank, medan selera dan kedai-kedai runcit telah menukar Stesen Sentral Kuala Lumpur menjadi tempat untuk menjamu pancaindera bagi rakyat Malaysia dan pengunjung asing. Ia merupakan pusat hentian setempat untuk segala aktiviti seperti pelancongan, perniagaan, pertemuan dan bersantai.

Semasa Sentral Sdn. Bhd.

Dengan penubuhan Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan MRCB, pengurusan Stesen Sentral Kuala Lumpur berada di bawah tanggungjawab Semasa Sentral Sdn. Bhd. (Semasa Sentral).



Beroperasi di dalam lingkungan Sistem Pengurusan Kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, Semasa Sentral mengendalikan program-program pengurusan bagi memperlengkapkan kakitangannya dengan kemahiran diperlukan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang mereka tawarkan, dari semasa ke semasa.

Antara program dan insentif yang dilaksanakan oleh Semasa Sentral adalah program Pengurusan Kualiti Keseluruhan (TQM), Projek Kitaran Inovatif dan Kreatif (ICC), aktiviti-aktiviti 5S dan pelbagai latihan berkaitan pengurusan kualiti.

Selain daripada melatih kakitangannya, Semasa Sentral terus menjalankan usaha-usaha pemasaran yang agresif bagi mewujudkan lebih kesedaran terhadap persekitaran perniagaan di Stesen Sentral Kuala Lumpur. Usaha-usaha ini merangkumi segala kempen dan aktiviti promosi yang akan membuka pelbagai peluang menjana pendapatan yang lebih besar untuk hab pengangkutan ini.

Pelbagai kejayaan dicapai tetapi Semasa Sentral tidak pernah berkompromi tentang perkara utama iaitu keselamatan. Bagi memastikan keselamatan para pengguna dan pelancong, kaedah saringan yang teliti digunakan bagi memilih kakitangan yang benar-benar layak untuk menyertai pasukan polis



bantuan. Mereka akan menjalani latihan di Pusat Latihan Polis selama dua (2) bulan, bagi memastikan hanya yang terbaik daripada pasukan terpilih dilantik untuk menjaga keselamatan penumpang di stesen. Untuk mempertingkatkan lagi keselamatan, Semasa Sentral telah menaikkan taraf rangkaian kamera television litar tertutup 24 jamnya bagi mengawasi 80% kawasan di Stesen Sentral Kuala Lumpur.

Semasa Services Sdn. Bhd.

Sejak penubuhannya pada Jun 2005, Semasa Services Sdn. Bhd. (Semasa Services) telah menerajui penyelenggaraan kesemua hartanah kumpulan MRCB, termasuk Stesen Sentral Kuala Lumpur dan bangunan Plaza Sentral. Perlantikan Semasa Services untuk melaksanakan perkhidmatan pengurusan bangunan dan kemudahan di Dataran Maybank, Bangsar oleh Maybank Berhad adalah bukti bahawa ia merupakan penyedia perkhidmatan bangunan yang baik di negara ini.

Semasa Services berjaya mengekalkan kedudukannya yang mantap dalam pengendalian, penyelenggaraan dan pengurusan pelbagai kemudahan bangunan untuk bangunan komersil, kerajaan dan perindustrian, berkat usaha kakitangannya yang berkemahiran tinggi, sistem pengurusan kemudahan yang berkesan, peralatan teknologi yang canggih serta bilangan kakitangan teknikal terlatih yang ramai termasuk mereka yang pakar dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan elektrik serta pengurusan.

Dengan tenaga kerja yang menjurus kepada kecemerlangan serta memiliki kemahiran teknikal dan pengurusan tertinggi, Semasa Services berjaya memenuhi setiap keperluan pelanggannya, termasuk perkhidmatan penyaman udara, pemadam kebakaran, penyelenggaraan elektrik, automasi bangunan, pengurusan aset, pengurusan keselamatan dan kesihatan, pembersihan dan perkhidmatan pentadbiran.

Oleh kerana beroperasi dalam persekitaran yang berdaya saing tinggi, beberapa rancangan dilaksanakan untuk mewujudkan usahasama dan

gabungan strategik bersama rakan-rakan kongsi yang sesuai bagi membolehkan Semasa Services meningkatkan peluang dalam industri perkhidmatan dan penyelenggaraan bangunan sekaligus meningkatkan daya saing syarikat dalam pembidaan tender-tender terbuka.

Projek kerja-kerja penyelenggaraan dan pengubahsuaian terkini Semasa Services termasuklah hartanah MRCB di Kompleks Sentral; Plaza Sentral Fasa 2 dan pada pertengahan tahun 2007, syarikat akan memulakan program pengurusan kemudahan di 1 Sentral dan Sooka Sentral. Beberapa kontrak luaran yang telah diperolehi termasuklah di bangunan Yayasan Tun Razak; Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional; dan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja di Pulau Pinang.

Sebagaimana disasarkan, Semasa Services berjaya mendapat pengiktirafan sebagai syarikat ISO 9001:2000 untuk Bangunan dan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kemudahan pada Mac 2006.

Semasa Security Sdn. Bhd.

Semasa Security Sdn. Bhd. adalah syarikat subsidiari di Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan MRCB, mempunyai kepakaran dalam semua aspek keselamatan bangunan

termasuk penempatan pegawai keselamatan, pemantauan keselamatan, pengurusan krisis, perancangan, latihan dan perunding keselamatan.

Diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk beroperasi sebagai penyedia perkhidmatan keselamatan; pelanggan berpotensi Semasa Security termasuklah dalam industri perkhidmatan perdagangan, pengurusan acara, pengurusan kemudahan, perindustrian, kewangan, perkhidmatan profesional, peruncitan dan pengangkutan.

Dengan asas standard yang tinggi, para pelanggan Semasa Security dijamin mendapat perkhidmatan yang terbaik. Asas kekuatan syarikat adalah pasukan pengurusan yang mantap dan berpengalaman luas serta kepakaran yang diperolehi dari Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera.



Ini telah membawa kepada kejayaan Semasa Security memperoleh kontrak keselamatan hartanah MRCB di Menara MRCB dan Plaza Alam Sentral di Shah Alam serta di Lot B, C dan N di Kuala Lumpur Sentral. Bagi menambah pengalaman, syarikat juga telah menerima kontrak luaran untuk perkhidmatan keselamatan seperti DUKE; Wangsa Heights di Kajang; Kajang Utama; Litar Antarabangsa Sepang; Seri Pentas 2 di TV3, Bandar Utama; pejabat Kumpulan Simpanan Wang Pekerja di Bangunan KWSP, Petaling Jaya; pelbagai projek TTSP di Beranang dan Rawang; dan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP di Bangi.

Oleh kerana wujudnya hubungan dengan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PKKM), Semasa Security bersedia untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan yang memerlukan perkhidmatan keselamatan yang paling inovatif dan yang benar-benar boleh dipercayai.

Semasa Parking Sdn. Bhd.


Syarikat subsidiari terbaru Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan adalah Semasa Parking Sdn. Bhd. (Semasa Parking) – mengkhusus dalam pengurusan dan logistik kawasan meletak

kereta. Semasa Parking menawarkan pelanggannya sistem pengurusan yang terbaik dan kakitangan terlatih. Matlamat Semasa Parking ialah untuk mengendalikan kemudahan meletak kereta dengan lancar, efisien dan menguntungkan.

Strategi pengurusan Semasa Parking yang diwujudkan dengan teliti merangkumi rundingan bagi menentukan keperluan setiap pelanggan, melibatkan analisis kebolehlaksanaan, peralatan moden yang terkini, sistem kutipan hasil dan penguatkuasaan peraturan serta keselamatan.

Dengan reputasi dan rekod prestasi yang mantap kumpulan MRCB, para pelanggan boleh mengharapkan hubungan kerjasama jangka panjang dengan Semasa Parking selain memperoleh pertumbuhan keuntungan yang lebih.

Potensi manfaat jangka panjang termasuklah: aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang berterusan bagi meningkatkan imej dan pertumbuhan setiap kemudahan meletak kereta; sistem kawalan tunai yang efisien untuk mengesan pendapatan dan perbelanjaan; perkhidmatan tambahan lain seperti perkhidmatan valet parking dan pencucian kereta; pemantauan keselamatan dan kebersihan; dan waktu



respons yang pantas apabila timbul sebarang krisis atau pertanyaan.

Semasa Parking bersedia untuk muncul sebagai salah satu penyedia pengurusan meletak kereta yang paling selamat, efisien dan eksklusif di Malaysia sesuai dengan matlamatnya untuk memberikan perkhidmatan pengurusan meletak kereta yang paling komprehensif dan kos-berkesan. Projek terbaru syarikat termasuklah menyediakan kemudahan meletak kereta di Menara MRCB dan Plaza Alam Sentral. Pada masa hadapan, Semasa Parking akan mendapatkan lebih banyak projek daripada pembangunan hartanah lain di Kuala Lumpur Sentral. Sebagai strategi untuk pertumbuhan syarikat, Semasa Parking juga merancang untuk memperoleh syarikat pengendalian meletak kereta yang lain.



engineering, construction & ICT intelligent systems



Commercial & Infrastructure

The commercial office blocks known as Plaza Sentral Phase 2 within the Kuala Lumpur Sentral development that were undertaken by MRCB Engineering Sdn. Bhd. have been successfully completed as scheduled and construction of the 33 storey high end office tower at 1 Sentral KL Sentral is well on track for completion in early 2007. Preparatory work for the construction of Block B and C towers is underway.

The Road Division is currently undertaking the three secured contracts namely the Upgrading of Federal Route 5 Roads from Ipoh to Lumut, the Upgrading of the Sabak Bernam – Changkat Jering Highway (Package A – Sabak Bernam Bridge and Jalan Tuju) and the Section 1 of Duta Ulu Kelang Expressway (DUKE). The Federal Route 5 Roads and Upgrading of the Sabak Bernam-Changkat Jering highway are scheduled for completion by November 2007 and March 2008 respectively while DUKE is scheduled to open by 2009.

Overseas, MRCB Engineering Sdn. Bhd. is completing the upgrading of the

Sylhet Airport in Bangladesh, which is scheduled for completion in mid 2007. In Dubai, Al Fattan MRCB Construction Co (LCC) is expected to take site possession for the Hotel and Residences/Jumeirah Palm Crescent on Plot C40, Dubai and Office Building on Plot No. B8A, Marsa Dubai by mid March 2007.


Residential

Milmix Sdn. Bhd. is currently focusing mainly on residential projects within the Group with the construction of 32 units

of shop offices for the development of Bandar Seri Iskandar. The shop offices were completed as scheduled.

The Company is currently in discussion with MRCB Utama Sdn. Bhd., a wholly owned subsidiary of MRCB, with regards to the construction of residential properties at Taman Kajang Utama.

Construction is also underway for the 5 level Sooka Sentral at Kuala Lumpur Sentral development, which is scheduled to finish end 2007.





Energy

Aktiviti pendidikan kami yang lain termasuklah Kempen Pemimpin Muda yang bermatlamat untuk membantu pelajar miskin di kawasan-kawasan terpencil di Pahang Darul Makmur dalam bentuk sumbangan pakaian sekolah, beg sekolah, kasut dan alat tulis. Lebih daripada 500 pelajar dari 5 buah sekolah menerima sumbangan berkenaan. Di samping itu, kami telah memilih 15 orang pelajar daripada dua universiti tempatan untuk menjalani latihan praktikal antara 2 hingga 6 bulan di unit-unit perniagaan Kumpulan di bawah Skim Pendidikan Siswazah yang kami perkenalkan pada tahun ini. Satu lagi program pendidikan yang telah kami laksanakan adalah Anugerah Pendidikan Cemerlang yang diperkenalkan khusus untuk anak-anak kakitangan yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Kami telah menyampaikan insentif tunai kepada anak-anak kakitangan yang cemerlang semasa sambutan Hari Keluarga Kumpulan yang berlangsung pada bulan Disember 2006.





As we promote Go "Green" environmental focus, we had joint 'gotong-royong' activities among the Group's employees and the local authority in Selangor to promote beach cleanliness for tourism and future generations to enjoy. The programme at Bagan Lalang, Selangor was a huge success and we hope to continue with other beaches in Pahang Darul Makmur next year.

Living in the information age, MRCB naturally lends its support to

budding business initiatives using new technologies. Under the ICT-CSR programme, we have created two ICT centres namely the KL Sentral MSC Cybercentre Showcase and Incubation Centre to promote the development of new ICT based companies and to provide support facilities for the development of creative community within Kuala Lumpur Sentral development. The development has duly received the recognition of Cyber Centre Status by MSC in February 2006.

Sesuai dengan fokus kami untuk "Kembali ke Alam Semulajadi", beberapa aktiviti gotong-royong telah diadakan yang mana kakitangan Kumpulan dan pihak berkuasa tempatan di Selangor telah berganding bahu membersihkan kawasan pantai untuk pelancongan sekali gus untuk terus dinikmati oleh generasi akan datang. Program di Bagan Lalang, Selangor merupakan suatu kejayaan besar dan kami berharap untuk melakukan perkara yang sama di pantai-pantai lain di Pahang Darul Makmur tahun hadapan.

Dalam menempuhi era maklumat, MRCB merasakan adalah wajar untuk menyokong usaha-usaha perniagaan dengan menggunakan teknologi baru. Di bawah program ICT - CSR, kami telah mewujudkan dua pusat ICT iaitu Ruang Pameran Pusat Siber MSC KL Sentral dan Pusat Inkubasi bagi membantu pertumbuhan syarikat-syarikat baru yang berasaskan ICT di samping menyediakan kemudahan sokongan ke arah perkembangan komuniti kreatif di dalam pembangunan Kuala Lumpur Sentral. Pembangunan tersebut telah diiktiraf sebagai Pusat Siber oleh MSC pada bulan Februari 2006.



embracing international best practices of corporate governance

Safeguarding the interests of all stakeholders and building a strong corporate entity have always been the key driving forces of the Company's Board of Directors, Management and Staff.

In its continuing efforts to maintain the highest standard of Corporate Governance, the MRCB Board and Management are guided by the Principles of the Malaysian Code of Corporate Governance ("the Code") and paragraph 15.26 of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, and have also adopted international best practices of corporate governance:

MRCB's Statement of Corporate Governance

1. Board Structure and Process

a) Board Structure

In the Financial Year 2006 ("FY2006") the Board had constituted itself as follows with 8 members, and has had 9 meetings during the year. The Company considers its current Board size as optimal, and the diverse skill sets among the Board members contribute to the effectiveness of the Board. The list of Board members are as per Table 1 below, and details of each member's qualification and experience are outlined on pages 14 to 21.

b) Board Composition

Table 1: MRCB Board members

Directors	Designation	Appointment	Resignation	Attendance
Datuk Azlan Zainol	Chairman Non independent, non-executive Director	12 January 2005	-	9/9 (100%)
Shahril Ridza Ridzuan	Group Managing Director	9 August 2001	-	9/9 (100%)
Abdul Rahman Ahmad	Non-independent, non-executive Director	9 August 2001	-	8/9 (89%)
Dato' Ahmad Ibnihajar	Independent, non-executive Director	27 September 2000	-	9/9 (100%)
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar	Independent, non-executive Director	22 July 2002	-	9/9 (100%)
Dr. Roslan A. Ghaffar	Non-independent, non-executive Director	3 November 2003	-	9/9 (100%)
Ahmad Zaki Zahid	Independent, non-executive Director	12 January 2005	-	6/9 (67%)
Mohamad Lotfy Mohamad Noh	Non-independent, non-executive Director	20 July 2005	-	9/9 (100%)

- i) In order to have an independent Board, all save for the Group Managing Director ("GMD") are non-executive directors. The non-executive directors make up 88% of the Board members.
- ii) 3 out of the 8 directors (38%) are independent, non-executive directors. This composition helps to ensure that there is sufficient check and balance within the Board in discharging its duties.
- iii) The 3 independent, non-executive directors do not represent any of the substantial shareholders, and fairly represent and act in the interest of parties other than the substantial shareholders, that is, the minority shareholders. The Board also maintains communication with Malaysia's Minority Shareholder Watchdog Group for the interests of the minority shareholders.
- iv) There is a clear separation and balance of power and authority, as the role of the Chairman (held by a non-independent, non-executive director) is kept separate from the role of the GMD, who is principally responsible for making and implementing operational decisions. In the absence of the Chairman, the most senior independent, non-executive director, YBhg. Dato' Ahmad bin Ibnihajar, would chair Board meetings.
- v) In December 2006 an exercise in self-assessment to review the Board's effectiveness as a body, as well as individually, was conducted.
- vi) In accordance with the Company's Articles of Association, at least one third of Directors are subject to re-election by rotation at each AGM.

c) Directors' Remuneration

The determination of the remuneration of Directors is reviewed and assessed by the Remuneration Committee (RC), which takes into cognizance the contribution of each Board member as well as industry norm. Recommendations are then made by the RC for a decision to be made by the Board as a whole. The remuneration paid to directors are disclosed and presented to the shareholders at the Company's AGM for approval.

Remuneration is differentiated for the Chairman and other non-executive directors to reflect their respective individual contribution and responsibilities.

Certain components of the executive director's remuneration such as bonuses and Employee Share Options Scheme (ESOS) entitlement are performance-based. The RC reviews this on an annual basis.

An analysis of the Directors' remuneration is set out below (Table 2 and Table 3). The highest remuneration paid during the year is to the GMD, who is the only executive director, and as per Table 2 amounted to RM901,000.

Table 2: Summary of Directors' Remuneration

Directors' Remuneration	Chairman (a Non- executive Director)	Executive Director	Other Non- executive Directors	Total
Fees (RM'000)	60	-	247	307
Salary (RM'000)	-	428	-	428
EPF (RM'000)	-	138	-	138
Bonus (RM'000)	-	144	-	144
Benefits-in-kind (RM'000)	-	16	-	16
Other Emoluments (RM'000)	60	175	-	235
Total (RM'000)	120	901	247	1,268

Table 3: Analysis of Directors' Remuneration by Bandwidth

Directors' Remuneration	Executive Director	Other Non-executive Directors	Total
0 – RM50,000		6	6
RM100,001 – RM150,000		1	1
RM900,001 – RM950,000	1		1
Total	1	7	8

d) Conduct**i) Accessibility to Information**

The Board acts independently and consistently at all times. It regularly assesses the direction of the Company and the performance of the Company and Management during the year. Full and unrestricted access to timely and accurate information is always made available to Board members, and the agenda and a full set of Board papers are distributed at least 7 days before the Board or its Committee meetings. This process ensures that Directors are kept properly briefed before decisions are made at the meetings.

ii) Relationship of the Board with Management

All Directors have unrestricted access to the advice and services of the Company Secretary and other members of Management. In turn, Management undertakes to ensure that accurate and complete information, both qualitative and quantitative, is readily available to Directors. Unrestricted advice and services of external and independent professionals are also made available to Board members, individually and collectively. Directors can seek the above advice and services independently without going through Management, as and when they are required.

In order to enhance the accountability of the Board and Management, the Company has in place a Limits of Authority approved by the Board, which sets out the limits to which each level of Management is authorized to approve, and transactions that need to be approved by the Board.

The Board approves the Company's budget and business targets yearly. It tracks the progress of the Company through quarterly financial results, briefing by business Divisional heads, and the Key Performance Indicators and Balanced Scorecard systems that are in place. Rewards for Management and Staff are performance-based.

iii) Hands-on approach

In order to keep itself abreast of the Company's projects and on-the-ground situation, Directors have made visits to project sites, including the Company's overseas projects, during the year under review. During these visits, Directors gain a better understanding of the Company's operations and the challenges it faces, which enhances Directors' effectiveness during Board deliberations and decision-making.

iv) Code of Conduct

In the course of discharging their duties the individual Board members are guided by a common Code of Conduct, which the Board has established and imposed on its members (a separate Code of Business Ethics for employees has also been established). This is in addition to the normal procedures and prohibitions set out in the principles of Company law and practice.

v) Directors' Training

All Directors have attended the Mandatory Accreditation Programme as required under the Bursa Malaysia Securities Bhd Listing Requirements. Nevertheless, to keep themselves updated on relevant new laws and regulations and changing commercial risks, Directors have also attended further training programs during the year.

2. Board Committees

In order to improve its effectiveness and efficiency in decision-making, the Board has delegated certain functions to several Committees of itself. Such Committees operate under clearly defined terms of reference, approved by the Board, with the authority to examine particular issues in detail. The Chairman of the respective Committees would report back to the Board with their recommendations. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the entire Board.

The Committees of the Board, its members and number of meetings held during 2007 are as per Table 4 below:

Table 4: Committees of the Board

	EXCO	Nomination Committee @	Remuneration Committee	ESOS Committee @	Audit Committee
Name	Chairman / Member Attendance	Chairman / Member Attendance	Chairman / Member Attendance	Chairman / Member Attendance	Chairman / Member Attendance
Datuk Azlan Zainol *#	- -	- -	- -	- -	- -
Shahril Ridza Ridzuan **	Member 6/6	- -	- -	- -	- -
Abdul Rahman Ahmad #	- -	- -	- -	- -	Member 5/5
Dato' Ahmad Ibnihaajar ##	- -	Member -	Chairman 4/4	Chairman -	Member 5/5
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar ##	- -	Chairman -	Member 4/4	Member -	Chairman 5/5
Dr Roslan A. Ghaffar #	Chairman 6/6	Member -	Member 4/4	Member -	- -
Ahmad Zaki Zahid ##	Member 5/6	- -	- -	- -	- -
Mohamad Lofty Mohamad Noh#	Member 6/6	- -	- -	- -	- -

@ Nomination Committee meetings and ESOS Committee meetings were not convened during the year, as there was no necessity for one.

Notes:

*# Chairman of the Board

** Group Managing Director

Non-independent, non-executive Director

Independent, non-executive Director

Functions of the Board Committees:

a) Executive Committee of the Board ("EXCO")

Established on 17 November 2005, the EXCO's terms of reference are:

- To guide the Management in the implementation of the GLC Transformation initiatives;
- To review and recommend the Company's annual business plan and budget to the Board for approval;
- To consider and review significant and/or major issues relating to the business direction of the Company;
- Deliberate on all major business transactions and issues relating to the Company that require the EXCO's or Board's approval in line with the approved Limits of Authority.

b) Nomination Committee ("NC")

Established on 31 October 2001, the NC's terms of reference are:

- Identifying and recommending new nominees to the Company's Board and its Committees, as well as new nominees to the Boards of its subsidiaries. All decisions and appointments are made by the respective Boards after considering the recommendation of the NC;

- Assisting the Board and its Committees and directors in assessing its overall effectiveness on an on-going basis; and
- Assisting the Board in periodically reviewing its required mix of skills and experience and other qualities that non-executive Directors should bring to the Board.

c) Remuneration Committee ("RC")

Established on 31 October 2001, the terms of reference of the RC are:

- To determine and recommend to the Board the framework or broad policy for the remuneration packages of the Chairman of the Board, the GMD and other senior management personnel it is designated to consider;
- To establish a formal and transparent procedure for developing a policy on the total individual remuneration package of the GMD and other designated senior management personnel including, where appropriate, bonuses, incentives and share options;
- To design the remuneration package for the GMD and other designated senior management personnel with the aim of attracting and retaining high-calibre senior management personnel who will deliver success for shareholders and high standards of service for customers, while having due regard to the prevailing

pay, employment conditions and business environment in which the Company operates. The remuneration package of the GMD and the other designated senior management personnel are performance-based, and linked to corporate and individual performance. Once formulated, each remuneration package is recommended to the Board for approval;

- iv) To review and recommend to the Board improvements (if any) on the GMD's and designated senior management personnel's remuneration policy and package, and any other issues relating to benefits of the above designated personnel on an annual basis;
- v) To review any major changes in employee benefit structures throughout the Company, and where appropriate recommend to the Board for adoption;
- vi) To review and recommend to the Board for adoption the framework for the Company's annual incentive scheme. The framework for the annual incentive scheme may include:
 - Merit increment
 - Merit bonus
 - Incentives

d) Employee Share Option Scheme ("ESOS") Committee

The ESOS Committee was set up to ensure that the implementation of the ESOS scheme was administered fairly in accordance to the Company's ESOS Scheme By-laws approved by the Company's Shareholders on 12 August 2002.

e) Audit Committee ("AC")

The terms of reference of the AC is set out on pages 88 to 90 of this Annual Report.

3. Accountability and Audit

a) Financial Reporting

In presenting the Company's annual financial statements, quarterly announcement of results to shareholders, reports to regulators and other price-sensitive public reports, the Directors undertake to present a balanced and understandable assessment of the Company's position and prospects.

The Board retains the responsibility for the preparation of the financial statements of the Company. The Board has ensured that the financial statements have been prepared based on accounting policies that have been

consistently and properly applied, supported by reasonable and prudent judgments and estimates, and in adherence to all applicable accounting standards.

It is also the Board's responsibility to ensure that accounting records are accurate, within margins of reasonableness, and which discloses the financial position of the Company in a true and fair manner.

The statements by directors pursuant to Section 169(15) of the Companies Act, 1965 in relation to the preparation of the financial statements are set out on page 5 (in the Directors' Report) of the Financial Report of this Annual Report.

b) Relationship with External Auditors

The Company has established transparent and appropriate relationships with its auditors through the AC. The Company engages its external auditors mainly for audit and tax-related matters.

The role of the AC in relation to the auditors is described on pages 86 to 88 of this Annual Report.

c) Internal Control

The Board has undertaken to ensure an effective system of internal control exists, and reviews the adequacy and integrity of the Company's system of internal controls regularly.

The Board believes that a sound system of internal controls, financial or otherwise, should provide a reasonable assurance on:

- the effectiveness and efficiency of the Company's operations;
- the reliability of the Company's financial information; and
- compliance with laws and regulations of Malaysia and of the countries the Company ventures into overseas.

The Board's Statement on Internal Control is set out on page 94 of this Annual Report.

d) Risk Management

The Board, being cognisant of the need for risks to be properly identified and managed in order to continue protecting the Company's assets and investments, had established a Risk Management Framework (RMF), on 17 February 2003. The RMF was further reviewed and revised on 24 February 2005.

The Risk Management policy and implementation is further detailed in this Annual Report on page 96.

4. Quality Assurance

The Board and Management of the Company are mindful of the need to consistently deliver products and services of high quality standards to its customers.

A Quality & Process Improvement unit under Corporate Governance continuously conducts independent reviews on the quality of the Company's products and services as well as of the Company's standard operating procedures, and provides feedback and recommendations to assist Management on improvement opportunities that arise from the reviews.

5. Assurance on Associated Companies' Performance

To oversee the performance of associated companies, representatives from the Company are appointed to the board of directors of associated companies and attend board meetings. For active associated companies, key financial information and significant issues pertaining to these companies are sought and reviewed by the Board on a regular basis.

6. Transparency - Shareholders and Stakeholders

a) Shareholders and Investors

As a public-listed company responsible to its shareholders, the Company acknowledges the need for transparency and disclosure in its major business dealings.

In order to ensure that the stakeholders and investing public has up-to-date information on the Company's performance, operations and other significant developments, various corporate announcements required under the Bursa Malaysia Securities Berhad Listing Requirements including timely release of quarterly financial results were made during the period under review. In addition, detailed information on the Company's significant corporate events and developments were made through the media via press releases and/or press conferences.

The Company has in place a website at www.mrcb.com.my, through which shareholders and investors can conveniently access information about the Company. There is also a "Contact Us" section on the website, where shareholders and investors can conveniently forward their questions and comments to the Company.

b) Annual General Meeting (AGM)

The Board considers the AGM as the forum to communicate with its Shareholders on the Company's progress and performance. The AGM also serves as a platform for Shareholders to question or clarify on

issues pertaining to the Company's business activities, performance and other related issues. Where there are special business or special resolution proposed, the explanation of the effects of such special business or special resolution are provided in the notice of AGM.

Where appropriate, the Chairman of the Board undertakes to provide the questioner with a written answer to any significant question that cannot be readily answered during the AGM.

7. GLC Transformation

The Board notes that the Company's progress is attributed to its Management team and employee's efforts. Being a Government-Linked Company ("GLC"), the Company fully supports the Government's move to transform GLCs towards becoming stronger, efficient and more competitive business corporations. One of the initiatives established towards this end is the disclosure of headline Key Performance Indicators (KPIs) that act as a target that the Company sets for itself. The Company's Financial Year 2007 KPIs were announced through Bursa Malaysia on 28 February 2007, wherein the Company had set itself to achieve a Revenue target of RM800 million (a 51% increase from Financial Year 2006) and Profit target of RM60 million (a 81.8% increase from Financial Year 2006). These KPIs also incorporate targets for improvement in the Company's key business drivers, Property development (RM700 million) and Engineering, Infrastructure & others (RM1.5 billion).

8. Corporate Social Responsibility

The Company, whilst pursuing its business objectives of growth in enhancing shareholder value and value to stakeholders, is also cognizant of the fact that it is an integral part of the society in which it operates. Thus, Corporate Social Responsibility (CSR) is recognized by the Board as an integral part of the Company's existence, both in business and in society as a whole. During the year 2007, the Company had initiated several CSR projects. Details are available on page 70 of this Annual Report.

This Statement on Corporate Governance is approved by the Board of Directors via its resolution on 27 March 2007.

Datuk Azlan Zainol
Chairman

Malaysian Resources Corporation Berhad

menuju kearah amalan terbaik antarabangsa bagi tadbir urus korporat

Melindungi kepentingan kesemua pemegang kepentingan dan membina satu entiti korporat yang kukuh sentiasa menjadi daya penggerak utama bagi Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Kakitangan Syarikat.

Dalam usahanya yang berterusan untuk mengekalkan tahap piawaian tertinggi tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah dan Pengurusan MRCB berpegang kepada Prinsip Kod Tadbir Urus Korporat (Kod) dan perenggan 15.26 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, dan juga telah menerimapakai amalan terbaik antarabangsa bagi tadbir urus korporat:

Penyata Tadbir Urus Korporat MRCB

1. Struktur dan Proses Lembaga Pengarah

a) Struktur Lembaga Pengarah

Pada Tahun Kewangan 2006 ("TK2006") Lembaga Pengarah telah ditubuhkan seperti berikut dengan 8 orang ahli, dan telah mengadakan sebanyak 9 mesyuarat pada tahun tersebut. Syarikat menganggap bahawa saiz Lembaga Pengarahnya sekarang adalah optimum dan pelbagai kemahiran yang dimiliki di kalangan ahli Lembaga Pengarah menyumbang kepada keberkesanan Lembaga Pengarah. Senarai ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di dalam Jadual 1 sementara butiran mengenai kelayakan dan pengalaman setiap ahli dipaparkan dari muka surat 14 ke 21.

b) Komposisi Lembaga Pengarah

Jadual 1: Ahli Lembaga Pengarah MRCB

Pengarah	Jawatan	Perlantikan	Perletakan Jawatan	Kehadiran
Datuk Azlan Zainol	Pengerusi Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas	12 Januari 2005	-	9/9 (100%)
Shahril Ridza Ridzuan	Pengarah Urusan Kumpulan	9 Ogos 2001	-	9/9 (100%)
Abdul Rahman Ahmad	Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas	9 Ogos 2001	-	8/9 (89%)
Dato' Ahmad Ibnihajar	Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas	27 September 2000	-	9/9 (100%)
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar	Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas	22 Julai 2002	-	9/9 (100%)
Dr. Roslan A.Ghaffar	Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas	3 November 2003	-	9/9 (100%)
Ahmad Zaki Zahid	Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas	12 Januari 2005	-	6/9 (67%)
Mohamad Lotfy Mohamad Noh	Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas	20 Julai 2005	-	9/9 (100%)

- i) Bagi membentuk Lembaga Pengarah yang bebas, semua Pengarah kecuali Pengarah Urusan Kumpulan adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Pengarah Bukan Eksekutif membentuk 88% daripada ahli Lembaga Pengarah;
- ii) 3 daripada 8 orang Pengarah (38%) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Komposisi ini membantu memastikan imbalan yang mencukupi di dalam Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugas-tugasnya;
- iii) 3 Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas tersebut tidak mewakili mana-mana pemegang saham utama, dan akan mewakili serta bertindak atas kepentingan pemegang saham minoriti. Lembaga Pengarah juga sentiasa berkomunikasi dengan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Malaysia untuk kepentingan para pemegang saham minoriti;
- iv) Wujud pengasingan dan keseimbangan kuasa dan autoriti yang jelas, kerana peranan Pengerusi (dipegang oleh Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas) diasingkan daripada peranan Pengarah Urusan Kumpulan yang mempunyai tanggungjawab utama membuat dan melaksanakan keputusan berkaitan operasi Syarikat. Semasa ketidakhadiran Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas yang paling kanan iaitu YBhg. Dato' Ahmad bin Ibnihaajar, akan mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah;
- v) Pada Disember 2006 satu penilaian untuk mengkaji semula keberkesanan Lembaga Pengarah sebagai sebuah badan, dan secara individu, telah dilaksanakan; dan

- vi) Mengikut Artikel Tataurusan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah adalah tertakluk kepada pemilihan semula mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

c) Imbuhan Pengarah

Penentuan imbuhan Pengarah telah dikaji dan dinilai oleh Jawatankuasa Imbuhan (JI), dengan mengambil kira sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah dan norma industri. Cadangan kemudiannya dibuat oleh JI untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah. Imbuhan yang diberikan kepada Pengarah dinyatakan dan dibentangkan kepada para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat, untuk diluluskan.

Imbuhan Pengerusi dan Pengarah Bukan Eksekutif yang lain dibezakan bagi mencerminkan sumbangan dan tanggungjawab individu masing-masing.

Komponen tertentu imbuhan Pengarah Eksekutif seperti bonus dan kelayakan ESOS dibuat berdasarkan prestasi. JI mengkaji semula perkara ini pada setiap tahun.

Satu analisa imbuhan Pengarah adalah dipaparkan seperti di bawah (Jadual 2 dan 3). Imbuhan tertinggi yang dibayar pada tahun dalam tinjauan adalah kepada Pengarah Urusan Kumpulan, yang merupakan satu-satunya Pengarah Eksekutif, berjumlah RM901,000 sebagaimana ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ringkasan Imbuhan Pengarah

Imbuhan Pengarah	Pengerusi (Pengarah Bukan Eksekutif)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif yang lain	Jumlah
Fi (RM'000)	60	-	247	307
Gaji (RM'000)	-	428	-	428
KWSP (RM'000)	-	138	-	138
Bonus (RM'000)	-	144	-	144
Manfaat barangan (RM'000)	-	16	-	16
Emolumen lain (RM'000)	60	175	-	235
Jumlah (RM'000)	120	901	247	1,268

Jadual 3: Analisa Imbuhan Pengarah mengikut Bandwidth

Imbuhan Pengarah	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif	Jumlah
0 – RM50,000		6	6
RM100,001 – RM150,000		1	1
RM900,001 – RM950,000	1		1
Jumlah	1	7	8

d) Cara Pelaksanaan**i) Akses kepada Maklumat**

Lembaga Pengarah bertindak secara bebas dan konsisten pada setiap masa. Ia sentiasa menilai halatuju Syarikat dan prestasi Syarikat dan Pengurusan pada tahun dalam tinjauan. Ahli Lembaga Pengarah sentiasa mempunyai akses penuh dan tanpa had kepada maklumat yang jitu dan menepati masa, dan agenda serta satu set lengkap dokumen diedarkan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah atau Jawatankuasanya. Proses ini memastikan para Pengarah mendapati penjelasan dan maklumat yang betul sebelum membuat keputusan ketika mesyuarat berlangsung.

ii) Hubungan Lembaga Pengarah dengan Pihak Pengurusan Syarikat

Semua Pengarah mempunyai akses tanpa had untuk mendapatkan nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat dan ahli-ahli Pengurusan yang lain. Justeru, Pengurusan harus memastikan maklumat yang tepat dan lengkap, dari segi kualitatif dan kuantitatif tersedia untuk para Pengarah. Nasihat dan perkhidmatan daripada profesional bebas dan luaran juga tersedia untuk ahli Lembaga Pengarah, secara individu mahu pun berkumpulan. Para Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan perkhidmatan tersebut secara bebas, tanpa menerusi Pengurusan, sebagaimana dan bila diperlukan.

Bagi meningkatkan akauntabiliti Lembaga Pengarah dan Pengurusan, Syarikat telah pun mewujudkan Had Autoriti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Had Autoriti ini menjelaskan had-had setiap peringkat Pengurusan yang dibenarkan untuk membuat kelulusan, dan transaksi-transaksi yang perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah meluluskan belanjawan dan sasaran perniagaan Syarikat pada setiap tahun. Lembaga Pengarah mengikuti perkembangan Syarikat menerusi keputusan kewangan suku tahunan, taklimat oleh ketua-ketua Bahagian perniagaan, Petunjuk Prestasi Utama dan sistem-sistem Kad Skor Seimbang yang ada. Ganjaran untuk Pengurusan dan Kakitangan Syarikat adalah berdasarkan prestasi.

iii) Pendekatan langsung

Bagi membantu ahli lembaga Pengarah mengikuti perkembangan projek-projek syarikat dan situasi sebenar, para Pengarah telah melawat tapak-tapak projek, termasuk projek-projek di luar negara, pada tahun dalam tinjauan. Semasa lawatan ini, Pengarah mendapat pemahaman dengan lebih teliti berhubung operasi dan cabaran-cabaran yang dihadapi Syarikat. Ini membantu meningkatkan keberkesanan Pengarah dalam proses perbincangan dan membuat keputusan.

iv) Tatacara Pelaksanaan

Sepanjang melaksanakan tugas-tugas mereka, setiap ahli Lembaga Pengarah mematuhi Tatacara Pelaksanaan, yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah dan diwajibkan secara individu ke atas ahli-ahlinya (Kod Etika Perniagaan untuk kakitangan juga telah diwujudkan). Ini adalah tambahan kepada prosedur dan larangan biasa yang dinyatakan dalam dasar undang-undang dan amalan Syarikat.

v) Pendidikan Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori sebagaimana ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Bhd. Namun begitu, untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan serta perubahan-perubahan risiko komersial, Pengarah juga telah menghadiri program pendidikan pada tahun dalam tinjauan.

2. Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapannya dalam membuat keputusan, Lembaga Pengarah telah mengagihkan fungsi tertentu kepada beberapa Jawatankuasanya. Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan beroperasi dibawah takrifan bidang yang jelas yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan kuasa untuk meneliti isu-isu tertentu secara terperinci. Pengerusi setiap Jawatankuasa tersebut akan melaporkan cadangan-cadangan mereka kepada Lembaga Pengarah. Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk membuat keputusan muktamad berkenaan semua perkara terletak pada seluruh Lembaga Pengarah.

Maklumat tentang Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli-ahli serta bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2006 adalah seperti Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Nama	EXCO	Jawatankuasa Pencalonan @	Jawatankuasa Imbuhan	Jawatankuasa SOSK @	Jawatankuasa Audit
	Pengerusi / Ahli Kehadiran	Pengerusi / Ahli Kehadiran	Pengerusi / Ahli Kehadiran	Pengerusi / Ahli Kehadiran	Pengerusi / Ahli Kehadiran
Datuk Azlan Zainol *#	-	-	-	-	-
Shahril Ridza Ridzuan **	Ahli 6/6	-	-	-	-
Abdul Rahman Ahmad #	-	-	-	-	Ahli 5/5
Dato' Ahmad Ibnihajar ##	-	Ahli	Pengerusi 4/4	Pengerusi	Ahli 5/5
Dato' Mohd Shahari Ahmad Jabar ##	-	Pengerusi	Ahli 4/4	Ahli	Pengerusi 5/5
Dr Roslan A. Ghaffar #	Pengerusi 6/6	Ahli	Ahli 4/4	Ahli	-
Ahmad Zaki Zahid ##	Ahli 5/6	-	-	-	-
Mohamad Lotfy	Ahli	-	-	-	-
Mohamad Noh #	6/6	-	-	-	-

@ Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan mesyuarat Jawatankuasa ESOS tidak diadakan pada tahun dalam tinjauan, kerana tiada keperluan untuk mengadakannya.

Nota:

*# Pengerusi Lembaga Pengarah

** Pengarah Urusan Kumpulan

Pengarah Bukan Eksekutif, Bukan Bebas

Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas

Fungsi Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

a) Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah ("EXCO")

Ditubuhkan pada 17 November 2005, bidang kuasa EXCO adalah:

- Memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam pelaksanaan Inisiatif Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan;
- Mengkaji usul perniagaan dan mengesyorkan rancangan serta belanjawan Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;
- Menimbang dan mengkaji semula isu-isu penting dan/atau utama berkaitan hala tuju perniagaan Syarikat; dan
- Membincangkan semua urusan niaga dan isu-isu utama berkaitan Syarikat yang memerlukan kelulusan EXCO atau Lembaga Pengarah, sejajar dengan Had Autoriti yang diluluskan.

b) Jawatankuasa Pencalonan ("JP")

Ditubuhkan pada 31 Oktober 2001, bidang kuasa JP adalah:

- Mengenalpasti dan mengesyorkan calon-calon baru kepada Lembaga Pengarah Syarikat dan Jawatankuasanya, dan juga calon-calon kepada

Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiarinya. Semua keputusan dan perantukan dibuat oleh Lembaga Pengarah masing-masing setelah mempertimbangkan syor JP;

- Membantu Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya dan para Pengarah dalam menilai keberkesanan keseluruhannya secara berterusan; dan
- Membantu Lembaga Pengarah mengkaji secara berkala, gabungan kemahiran dan pengalaman serta kualiti-kualiti lain yang perlu dibawa oleh Pengarah Bukan Eksekutif ke dalam Lembaga Pengarah.

c) Jawatankuasa Imbuhan ("JI")

Ditubuhkan pada 31 Oktober 2001, bidang kuasa JI adalah:

- Untuk menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, rangka kerja atau dasar umum pakej-pakej imbuhan Pengerusi Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan Kumpulan dan para pegawai pengurusan kanan lain yang ditetapkan untuk pertimbangan Jawatankuasa;
- Untuk menetapkan satu prosedur rasmi dan telus bagi mewujudkan dasar mengenai keseluruhan pakej imbuhan setiap individu bagi Pengarah Urusan Kumpulan dan para pegawai pengurusan kanan lain yang telah ditentukan termasuk, mengikut kesesuaian, bonus, insentif dan opsyen saham;

- iii) Untuk merangka pakej imbuhan bagi Pengarah Urusan Kumpulan dan para pegawai pengurusan kanan lain yang ditentukan dengan matlamat untuk menarik dan mengekalkan pegawai pengurusan kanan berwibawa yang akan memberikan kejayaan kepada pemegang saham dan perkhidmatan bertaraf tinggi kepada pelanggan, disamping mempertimbangkan sewajarnya imbuhan semasa, suasana pekerjaan dan persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Pakej imbuhan Pengarah Urusan Kumpulan dan pegawai pengurusan kanan lain ditentukan adalah berdasarkan prestasi, dan dihubungkan dengan prestasi korporat dan individu. Sebaik sahaja dirumuskan, setiap pakej imbuhan dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;
- iv) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, peningkatan (jika ada) mengenai dasar dan pakej Pengarah Urusan Kumpulan dan pegawai pengurusan kanan tertentu, dan sebarang isu lain berkaitan manfaat pegawai tersebut secara tahunan;
- v) Untuk mengkaji semula sebarang perubahan besar dalam struktur manfaat pekerja di seluruh Syarikat, dan sekiranya perlu, mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterimapakai; dan
- vi) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk menerimapakai rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat. Rangkakerja bagi skim insentif tahunan termasuklah:
 - Kenaikan gaji mengikut merit;
 - Bonus mengikut merit; dan
 - Insentif.

d) Jawatankuasa ESOS (JE)

Jawatankuasa ESOS ditubuhkan bagi memastikan bahawa pelaksanaan Skim Pilihan Saham Kakitangan ("ESOS") ditadbir dengan saksama mengikut undang-undang kecil Skim ESOS Syarikat yang diluluskan oleh Pemegang Saham Syarikat pada 12 Ogos 2002.

e) Jawatankuasa Audit ("JA")

Bidang kuasa JA adalah sebagaimana dinyatakan dari muka surat 91 hingga 93 Laporan Tahunan ini.

3. Akauntabiliti dan Audit

a) Laporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan Syarikat, pengumuman keputusan suku tahunan kepada pemegang saham, laporan kepada pengawalselia dan laporan-laporan umum sensitif harga, Pengarah berusaha untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Syarikat.

Lembaga Pengarah mengekalkan tanggungjawabnya untuk menyediakan penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga telah memastikan yang penyata kewangan berkenaan disediakan mengikut dasar perakaunan yang telah digunakan secara konsisten dan betul, disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat, dan mematuhi semua dasar perakaunan yang diterimapakai.

Adalah juga menjadi tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa rekod-rekod perakaunan adalah jitu, dengan jidar ketepatan yang munasabah, dan yang menzahirkan kedudukan kewangan Syarikat secara benar dan saksama.

Penyataan Pengarah mengikut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965 berhubung penyediaan penyata kewangan dibentangkan di muka surat 91 (di bawah tajuk "Laporan Pengarah") dalam Penyata Kewangan Tahunan, Laporan Tahunan ini.

b) Hubungan dengan Juruaudit Luaran

Syarikat menjalinkan hubungan yang telus dan sewajarnya dengan juruaudit-juruauditnya menerusi JA. Syarikat menggunakan perkhidmatan juruaudit luaran terutamanya untuk audit dan hal-hal berkaitan cukai.

Peranan JA berhubung juruaudit-juruaudit dihuraikan dari muka surat 89 to 91 Laporan Tahunan ini.

c) Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah telah menjalankan langkah-langkah bagi memastikan adanya suatu sistem kawalan dalaman yang berkesan, dan mengkaji semula kepadaan dan integriti sistem kawalan dalaman Syarikat dari semasa ke semasa.

Lembaga Pengarah yakin bahawa sistem kawalan dan kewangan yang baik akan memberi jaminan yang munasabah terhadap:

- keberkesanan dan kecekapan operasi Syarikat;
- kebolehpercayaan maklumat kewangan Syarikat; dan
- pematuhan undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara-negara lain di mana Syarikat mempunyai penerokaan perniagaan.

Penyata Kawalan Dalaman Lembaga Pengarah dibentangkan di muka surat 95 Laporan Tahunan ini.

d) Pengurusan Risiko

Menyedari akan keperluan untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko dengan betul, dan bagi melindungi aset dan pelaburan Syarikat, Lembaga Pengarah telah mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko ("RMF") pada 17 Februari 2003. RMF telah dikaji dan disemak semula pada 24 Februari 2005.

Dasar dan pelaksanaan Pengurusan Risiko dijelaskan di dalam Laporan Tahunan ini di muka surat 97.

4. Jaminan Kualiti

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Syarikat mengambil berat tentang keperluan untuk menyediakan piawaian produk dan perkhidmatan yang tinggi secara konsisten kepada para pelanggannya.

Satu unit Peningkatan Kualiti & Proses di bawah Tadbir Urus Korporat menjalankan kajian bebas secara berterusan berhubung kualiti produk dan perkhidmatan Syarikat dan juga prosedur operasi piawai Syarikat, dan memberikan maklum balas serta syor-syor bagi membantu pihak Pengurusan berkenaan peluang-peluang peningkatan yang timbul daripada kajian tersebut.

5. Jaminan Atas Prestasi Syarikat Bersekutu

Bagi mengawasi prestasi syarikat bersekutu, wakil-wakil dari Syarikat dilantik ke Lembaga Pengarah syarikat-syarikat bersekutu dan menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagi syarikat-syarikat bersekutu yang aktif, maklumat kewangan utama dan isu-isu penting berkenaan syarikat-syarikat tersebut dikumpulkan dan dikaji semula oleh Lembaga Pengarah MRCB dari semasa ke semasa.

6. Ketelusan - Pemegang Saham dan Pemegang Kepentingan

a) Pemegang Saham dan Pelabur

Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam yang bertanggungjawab terhadap pemegang sahamnya, Syarikat mengakui akan perlunya ketelusan dan pendedahan maklumat dalam urusan perniagaan utamanya.

